

# Lebih 300 graduan UMS berarak

BH 17.11.15 5



**Sebahagian graduan UMS yang menyertai perarakan berjubah sejauh 0.8km di Kota Kinabalu, semalam.**

[FOTO MALAI ROSMAH TUAH/BH]

**Kota Kinabalu:** Lebih 300 anggota rombongan Universiti Malaysia Sabah (UMS) terdiri daripada Pengerusi dan Ahli Lembaga Pengarah, Ahli Senat, Pusat Pengajian Pasca-siswazah dan graduan mewakili setiap program pengajian menyertai Perarakan Berjubah di bandar raya ini, semalam.

Perarakan bermula dari Dewan Masyarakat di sini dan berakhir di pekarangan Bangunan Dewan Bandaraya Kota Kinabalu (DBKK) sempena Majlis Konvokesyen UMS kali ke-17, turut disertai oleh anggota DBKK, pasukan pancaragam serta pasukan beruniform daripada siswa UMS.

Ia diikuti upacara menandatangani skrol pernyataan majlis dan penyerahan Kunci Bandaraya kepada graduan UMS, mewakili setiap program pengajian.

## Edisi kesembilan

Menjangkau edisi kesembilan, perarakan ini yang menjadi simbol penerimaan bandar ra-

ya terhadap populasi UMS bertujuan merapatkan hubungan antara warga ibu negeri dengan warga universiti.

Berucap selepas perarakan itu, Naib Canselor UMS, Profesor Datuk Dr Mohd Harun Abdullah, berkata graduan universiti itu perlu bersedia dari segi intelektual yang diperolehi sepanjang pengajian supaya dapat digunakan sebaiknya demi menjana pembangunan negara.

Katanya, segala pengetahuan dan pengalaman harus dijadikan landasan dalam merealisasikan wawasan negara, seiring tanggungjawab mendokong moto universiti iaitu 'Ber-tekad Cemerlang'.

## Syor graduan peka perubahan

"Pada zaman kompetitif dengan persaingan semakin sengit, kita harus sentiasa peka serta bersikap responsif dengan perubahan semasa agar tidak ketinggalan. Kita juga harus berani dan tabah menghadapi cabaran," katanya.

Yang turut hadir ialah Datuk Bandar Kota Kinabalu, Datuk Abidin Madingkir dan Timbalan Ketua Pengarah DBKK, Joannes Solidau.